

CNS8702

U PB 04-11 00184 PW046

AAB DEM

UMNO - Ucapan (Reaksi)

UCAPAN PRESIDEN KOMPREHENSIF DAN BERPANDANGAN JAUH

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Para pemimpin parti-parti politik menyifatkan ucapan perasmian Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung parti di sini hari ini, sebagai menyeluruh dan positif ke arah terus menyatupadukan anggota parti bagi menangani cabaran negara di masa depan.

Mereka juga menyifatkan ucapan itu sebagai komprehensif, berpandangan jauh serta tegas terutama berkaitan isu-isu antarabangsa seperti penindasan umat Islam oleh masyarakat antarabangsa.

Timbalan Presiden UMNO yang baru dipilih, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Dr Mahathir memberi penekanan kepada soal pemilihan kerana menjadi tugas besar Presiden UMNO itu untuk merapatkan kembali anggota parti sebaik sahaja selesai pemilihan hari ini.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata beliau menyokong saranan Dr Mahathir bahawa walaupun anggota parti berhak memilih secara demokrasi, mereka yang menang tidak harus terlalu sombong manakala yang kalah menerima kenyataan dan tidak merasakan diri mereka tersisih.

"Dengan itu barulah UMNO akan terus diterima sebagai wadah perjuangan bangsa Melayu yang berwibawa," katanya. -- Lagi.

ROJ AH AZ.

▼04/11/13-40MST

U PB 04-11 00145 PW047

AAB DEM

UMNO - Ucapan (Reaksi) 2 Kuala Lumpur

Bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata peringatan Perdana Menteri itu supaya anggota parti jangan terlalu ghairah pada masa pemilihan sehingga lupa tanggungjawab utama untuk menjamin kemenangan UMNO pada pilihan raya umum akan datang, amat tepat pada masanya.

"Sebagai presiden, kita sememangnya sudah menjangka Dr Mahathir akan memberikan nasihat seperti seorang bapa, kepada semua yang terlibat pada pemilihan kali ini," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata ingatan Presiden dalam ucapan dasarnya bahawa tiada pasukan di dalam UMNO wajar dihayati.

Katanya, para pemimpin UMNO perlu menunjukkan contoh kepimpinan melalui teladan kepada perwakilan, dan kepimpinan yang baik akan diikuti oleh anggota UMNO.

Jangan kita kata ucapannya sahaja bagus, tetapi tidak mengamal atau mempraktikkannya, kata beliau. -- Lagi.

MSZ AH AZ

▼04/11/13-51MST

U PB 04-11 00140 PW048

AAB DRM

UMNO - Ucapan (Reaksi) 3 Kuala Lumpur

Menteri Undang-Undang, Datuk Syed Hamid Albar berkata ia ucapan yang seimbang, adil dan baik kepada parti yang menyeru kepada kepentingan parti sebagai matlamat utama setiap anggota.

Mengenai golongan orang Melayu yang mengecam dasar-dasar kerajaan yang ditimbulkan dalam ucapan itu katanya, sama ada kita menyokong atau tidak dasar-dasar kerajaan, kita mesti terima hakikat bahawa dasar kerajaan telah membawa orang Melayu pada tahap yang ada sekarang.

Bekas Menteri Luar dan anggota veteran UMNO, Tan Sri Ghazali Shafie menyifatkan ucapan itu banyak mengandungi perkara positif untuk direnong dan difikirkan bersama.

Dr Mahathir juga katanya, tidak mahu para anggota parti berfikiran sempit kerana ia boleh menggugat parti.

Sikap berpasukan adalah sikap yang sempit yang tidak seharusnya ada, kata beliau. -- Lagi.

MSZ ROT AZ

▼04/11/14-03MST

CNS8752

U PB 04-11 00156 PW052

AAB DEM

UMNO - Ucapan (Reaksi) 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR), Datuk Mark Koding berkata ucapan Dr Mahathir adalah ikhlas, tegas, adil dan seimbang yang patut dialu-alukan oleh semua pihak terutama perwakilan UMNO.

"Dalam zaman yang serba mencabar atau zaman globalisasi ini, visi yang diutarakan oleh Perdana Menteri harus diikuti oleh semua rakyat", katanya.

Presiden Kelab UMNO Washington DC, Firdaus Haji Mokhtar berkata Perdana Menteri turut mengaitkan sikap sesetengah golongan elit Melayu di luar negara yang melupakan jasa UMNO.

Jemputan Khas UMNO dari Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), Encik Ahmat Davids dan Encik Tahir Salie berkata mereka kagum dengan semangat, keaktifan dan persaudaraan akrab yang mereka saksikan pada perhimpunan ini.

"Banyak yang kami pelajari daripada pengalaman sebagai pemerhati perhimpunan agung UMNO ini, yang boleh dimanfaatkan ANC bagi menghadapi pilihan raya pertama di Afrika Selatan tahun depan," kata Tahir. --

Bername.

MGM AZ.